

# **GEJALA PENYALAHGUNAAN DADAH GOLONGAN PROFESIONAL SEMAKIN MEMBIMBANGKAN**

Oleh: Siti Hajar binti Idrus, 1171083

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

Dsiarkan pada 2 April 2020

Penyalahgunaan dadah boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira jantina, umur, bangsa atau status sosial. Kajian Pentadbiran Penyalahgunaan Bahan dan Perkhidmatan Kesihatan Mental (SAMHSA) Amerika Syarikat (AS) pada tahun 2012 menunjukkan bahawa 8.6% pekerja sepenuh masa yang berusia antara 18 hingga 64 tahun terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol.

Laporan portal DrugRehab.com menyatakan kira-kira 10% pengamal perubatan di AS terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Salah satu punca masalah itu adalah akses yang mudah untuk mendapatkan preskripsi ubat-ubatan secara haram.

Kadar penyalahgunaan opioid yang tinggi lazimnya berlaku dalam kalangan pakar bius manakala sebahagian kecil pakar psikiatri pula terlibat dalam penyalahgunaan benzodiazepina yang bertujuan merawat masalah keresahan.

*Journal of Addiction Medicine* oleh Dr. Rick Nauert yang diterbitkan pada tahun 2010 turut mencatatkan kira-kira 69% doktor menyalahgunakan ubat-ubatan sebagai pengganti alkohol. Manakala, preskripsi ubat yang sering disalahgunakan adalah *oxycodone* dan *fentanyl* iaitu sejenis ubat tahan sakit dalam kategori opioid.

Selain itu, atlet merupakan golongan yang terdedah kepada risiko penyalahgunaan dadah. Berita Harian pada September 2014 melaporkan, pingat emas yang dimenangi atlet wushu kebangsaan, Tai Cheau Xuen pada Sukan Asia 2014 terpaksa ditarik balik selepas beliau didapati positif dadah.

Segelintir atlet menyalahgunakan dadah atau *doping* bagi meningkatkan keupayaan mereka termasuk stamina. Kesalahan *doping* melibatkan pengambilan dadah perangsang seperti steroid anabolik, sibutramina atau lain-lain jenis ubat yang diharamkan oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) sejak 1976.

Bagi menangani isu penyalahgunaan dadah dalam bidang sukan, Agensi Anti-Doping Dunia telah ditubuhkan pada tahun 1999. Badan ini bertindak berdasarkan Kod Anti-Doping Dunia iaitu dokumen teras yang menyelaraskan dasar, undang-undang dan peraturan antipenyalahgunaan dadah melibatkan pertubuhan-pertubuhan sukan dan pihak berkuasa di seluruh dunia.

Golongan selebriti juga tidak terlepas dari terjerumus dalam kancuh penyalahgunaan dadah. Editor portal DrugRehab.com, Chris Elkins menjelaskan, punca penyalahgunaan dadah dalam kalangan selebriti adalah sama seperti orang lain.

Tekanan kerjaya serta keperluan menjaga imej di khalayak ramai menyebabkan mereka mengambil dadah untuk meredakan ketegangan yang dialami. Kebiasaannya, sebahagian kecil selebriti menyalahgunakan dadah jenis sedatif seperti barbiturat dan benzodiazepina untuk menenangkan perasaan.

Mereka yakin dadah yang diambil boleh menjadikan mereka kelihatan bertenaga, berkeyakinan dan gembira. Walau bagaimanapun, pengambilan dadah jenis sedatif secara berterusan atau berlebihan boleh mengakibatkan pergantungan secara psikologi dan fizikal.

Situasi ini berlaku dalam kalangan bintang popular Hollywood seperti Marilyn Monroe yang ditemukan mati disebabkan pengambilan barbiturat yang berlebihan. Manakala, Raja Pop, Michael Jackson meninggal dunia pada tahun 2009 dipercayai akibat pengambilan berlebihan dadah yang sama.

Walaupun masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan profesional banyak dikaji di AS, perkara serupa jarang dilihat di negara ini. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) seharusnya lebih giat menjalankan kajian tentang isu ini terutamanya yang melibatkan golongan profesional di Malaysia.

Mereka merupakan tulang belakang dalam pelbagai organisasi yang dianggotai. Sekiranya golongan profesional terlibat dalam penyalahgunaan dadah, masalah ini bukan sahaja merugikan organisasi terbabit malah negara dan masyarakat yang memerlukan kepakaran mereka.



